

Headline	THT dituntut perkemas rentak		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	19 Jan 2020	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	46,48
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	281 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 17,871		



Headline	THT dituntut perkemas rentak		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	19 Jan 2020	Readership	420,000
Circulation	140,000	Page No	46,48
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	281 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 17,871		

## THT dituntut perkemas rentak



Fitri (tengah) menjadi sandaran dalam merencana serangan THT.

**PENGENDALI** Pasukan Hoki Terengganu (THT), Muhammad Dharma Raj Abdullah menuntut para pemainnya mempamerkan prestasi lebih baik dalam saingan Liga Hoki Malaysia (LHM) 2020.

Menurutnya, dalam beberapa perlawanan sebelum ini, barisan pemainnya gagal mempamerkan persembahan cemerlang terutama pada aksi suku pertama dan kedua perlawanan sehingga membolehkan pemain lawan menjaringkan gol.

Pada pertemuan menentang UiTM di Stadium Hoki Tun Razak kelmarin, THT ketinggalan 1-2 sehingga minit ke-24 sebelum berjaya bangkit dengan kemenangan 5-3.

"Saya sedar masalah terutama persembahan pemain pada suku pertama dan kedua perlawanan. Mungkin pemain kurang fokus pada awal permainan. Seperti juga aksi

menentang Nurinsafi sebelum ini, kami tidak bermula dengan begitu baik dan ketinggalan kepada lawan.

"Kami perlu berusaha lebih keras dalam pertemuan ini dan Jan Jong Hyun memastikan kami dapat menemui semula rentak permainan bagi meraih kemenangan," katanya.

THT dibantu dengan permainan kemas tonggak importnya, Jong Hyun yang sekali lagi meledak hatrik selain gandingan adik-beradik, Faizal dan Fitri Saari yang masing-masing menyumbang satu gol.

Dalam pada itu, Dharma Raj mahu THT bersedia sepenuhnya menjelang perlawanan getir bertemu pendahulu liga, Tenaga Nasional Berhad (TNB) Rabu ini.

"Kita akan guna beberapa hari ini untuk memperbaiki kelemahan. Kita tak mahu tercicir mata apabila berdepan TNB" jelasnya.